

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld 2 (24)

28 Disember 2022
4 Jamadilakhir 1444

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 57/2022 PENUBUHAN PUSAT APEL UTM

Sukacita dimaklumkan bahawa merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.20/2022 bertarikh 25 Oktober 2022 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 123 pada 12 Disember 2022 telah bersetuju meluluskan Cadangan Penubuhan Pusat APEL UTM di bawah pengurusan Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

2. Objektif penubuhan Pusat APEL ini ialah untuk menyokong dan merealisasikan agenda pembelajaran sepanjang hayat negara serta menjadi pusat sumber rujukan dokumentasi bagi semua jenis APEL iaitu APEL.A, APEL.C dan APEL.Q. Antara fungsi Pusat APEL UTM ini adalah seperti berikut:

- i. Memudahkan koordinasi pengurusan APEL di UTM berkaitan urusan pelajar, rekod, promosi dan pelaporan dilaksanakan secara sistematik, berpusat dan sinergi;
- ii. Memberi ruang untuk perkembangan APEL di masa hadapan dan menjadi salah satu sumber penajaan kepada Universiti;
- iii. Menjadi pusat menilai dan mengiktiraf pengajian bukan formal dan tidak formal bagi tujuan kemasukan kepada instrument peringkat pengajian tinggi;
- iv. Menjadi pusat bagi penyelarasan kriteria dan instrument penilaian kemasukan melalui APEL ke Institusi Pengajian Tinggi;
- v. Meningkatkan akses dan meluaskan penyertaan para pelajar yang bukan konvensional, dan
- vi. Memperkayakan pengalaman pengajaran dan pembelajaran dengan kehadiran pelajar bukan konvensional.

3. Lokasi pejabat Pusat APEL UTM ialah di Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Menara Razak, UTM Kuala Lumpur dan diketuai oleh Pengarah.

Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta mengambil maklum mengenai penubuhan Pusat APEL UTM ini.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah